



PEJABAT RESIDEN BAHAGIAN BINTULU

NOTIS IKLAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor Bumiputera dan Bukan Bumiputera yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam kategori dan Jenis Pendaftaran yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

No. Ruj. Tender	Tajuk Tender	Pendaftaran Kategori, Kepala & Sub-kepala	Yuran Dokumen (RM)	Tarikh Tutup Pengambilan / Penjualan Dokumen Tender	Tarikh Tutup dan Masa Penyerahan Dokumen Tender
T/PRB/AK.01/2025	Tapak Warisan Seni Budaya Apau Koyan, Belaga	UPKJ (Kerja) Kelas: A Kepala: I , Sub-kepala: 1 , DAN Kepala: II , Sub-Kepala: 2(a)	RM800.00 (Non-refundable)	21 Januari 2025	22 Januari 2025 sebelum 12.00 Tengahari

2. Contoh Dokumen Tender boleh disemak dan dibaca mulai **03.01.2025 (Jumaat)** dan Dokumen Tender boleh dibeli mulai **09.01.2025 (Khamis)** sehingga **21.01.2025 (Selasa)** pada waktu pejabat di alamat **Seksyen Perancangan Strategik dan Pelaksanaan Projek, Pejabat Residen Bahagian Bintulu, Tingkat 2, Wisma Residen, Jalan Pisang Keling, Off Jalan Tun Razak, 97000 Bintulu Sarawak.**

3. Taklimat projek dan lawatan tapak adalah **diwajibkan** kepada para petender yang ingin menyertai tender seperti pada ketetapan berikut:


Tarikh & Masa (Taklimat Projek)	: 08 Januari 2025 @ 09.00 pagi
Tempat	: Bilik Mesyuarat BSC, Tingkat 2, Wisma Residen Bintulu
Tarikh & Masa (Lawatan Tapak)	: 08 Januari 2025 @ 2.30 petang
Tempat	: Tapak Pesta Apau Koyan, Sungai Asap, Belaga. (berhadapan dengan Stadium Mini Sungai Asap)
Pegawai Seranta	: Pn. Jenny Erang (086-313 032) atau En. Mohd Amirul Bin Valentine Laiseh (086-312 511)

4. Dokumen Tender hanya akan dijual kepada pemilik atau wakil sah sahaja yang telah menghadiri taklimat projek dan lawatan tapak serta wajib mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ), SURAT PERWAKILAN KUASA** dan **SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** (Jika berkenaan).

5. Bagi Syarikat Sdn. Bhd. atau Bhd., orang yang diberi kuasa atau wakil yang menghadiri taklimat tapak dan lawatan tapak hendaklah kakitangan yang diberi kuasa dan disokong sewajarnya oleh Resolusi Lembaga Pengarah serta ditandatangani oleh majoriti pengarah. Kehadiran pengarah syarikat sebagai kakitangan yang diberi kuasa adalah diutamakan.
6. Bagi Syarikat Perkongsian, wakil yang menghadiri taklimat tapak dan lawatan tapak hendaklah kakitangan yang diberi kuasa yang disokong sewajarnya oleh Surat Perwakilan Kuasa atau Surat Kebenaran yang ditandatangani oleh majoriti rakan kongsi. Kehadiran rakan kongsi syarikat sebagai kakitangan yang diberi kuasa adalah diutamakan.
7. Dalam kes Milikan Tunggal, wakilnya hendaklah daripada pemilik tunggal atau kakitangan kanan atau kakitangan pengurusan tertinggi syarikat. Kehadiran kakitangan kanan atau pengurusan tertinggi syarikat memerlukan Surat Kebenaran daripada pemilik tunggal.
8. Petender dikehendaki untuk mendapatkan resit Bil.T304 daripada **Pejabat Residen Bahagian Bintulu** terlebih dahulu sebelum membuat sebarang pembayaran. Bayaran yuran Dokumen Tender boleh dibuat sama ada dalam bentuk **Draft Bank** atau **Kiriman Wang Pos (Money Order)** atau **Wang Kiriman Pos Berpalang (Postal Order)** atau **S Pay Global** yang dibayar atas nama **Kerajaan Negeri Sarawak**.
9. Dokumen tender yang telah lengkap diisi berserta dengan salinan sijil – sijil berkaitan yang disahkan oleh Kumpulan Pengurusan dan Professional (Pegawai Kerajaan Gred 9 ke atas) hendaklah dimasukkan sendiri oleh pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan sampul berlakri serta mempunyai catatan **Nombor** dan **Tajuk Tender**.
10. Dokumen Tender hendaklah diserahkan selewat – lewatnya jam **12.00 tengahari** pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah.

**Pengerusi,
Lembaga Tender Pusat Negeri Sarawak,
d/a Bahagian Perolehan,
Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri,
Unit Pembangunan Kontraktor Dan Pembekal (UPKP),
Tingkat 5, Wisma Satok, 93400 Kuching.**

11. Petender adalah dikehendaki untuk mengemukakan Dokumen Tender **lebih awal dari Tarikh dan Masa Tutup** yang ditetapkan untuk mengelakkan kesukaran dan kesulitan semasa berurusan untuk mengemukakan Dokumen Tender pada hari Tender ditutup.
12. Dokumen tender yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
13. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.


.....
**PEMANGKU RESIDEN BAHAGIAN BINTULU
PEJABAT RESIDEN BAHAGIAN BINTULU**